

Dr Mahathir mendahului Blair

BH 26/8/03

KETIKA perang Iraq baru-baru ini, British yang menjadi sekutu Amerika Syarikat dalam serangan ke atas Iraq itu kelihatan begitu hebat termasuk Perdana Menteri, Tony Blair, yang menyokong serangan itu.

Namun, Blair tidak sehebat disangka dibandingkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam penggunaan serta memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Laporan AFP berkata, rakyat British yang ingin mengemukakan sebarang pandangan kepada Perdana Menteri kini boleh menghantarnya melalui emel.

Di Malaysia, Dr Mahathir sudah lama menyediakan kemudahan ini kepada rakyatnya dan usaha Blair ini dianggap ketinggalan kerana emel kini digunakan dengan meluas bukan saja memabitkan profesional, malah kanak-kanak serta pelajar sekolah.

Pegawai pejabat Blair berkata, sehingga kini, beliau menerima mel secara tradisional iaitu melalui pos. Pada 2002, Blair menerima sejuta surat, namun dengan pengenalan sistem online ini, beliau dijangka menerima lebih banyak lagi mel.

"Perkhidmatan online ini untuk menggalakkan peningkatan komunikasi dua hala dengan masyarakat," kata pegawai itu.

Sesiapa yang menghantar emel akan menerima balasan automatik mengatakan mesej mereka sudah diloginkan. Emel itu ditapis oleh kakitangan dan Blair akan menerima laporan bulanan mengenai kandungannya. Beliau memilih mesej yang perlu dijawab.

Namun, menurut Downing Street, Blair kemungkinan hanya menjawab terhadap sebahagian daripada emel diterimanya.

Untuk menghantar emel itu, pengguna hanya perlu memasuki laman web Downing Street, www.number-10.gov.uk dan mengikut arahan seterusnya.